



Siaran Akhbar
BAKI WANG YANG TIDAK DITUNTUT

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), selaku bank pusat Negara Brunei Darussalam, menerima sejumlah baki wang yang tidak dituntut dari bank-bank yang berlesen di Negara Brunei Darussalam dan juga bertanggungjawab untuk memproses sebarang tuntutan mengenainya dari orang ramai.
2. Baki wang yang tidak dituntut atau *unclaimed money* ialah wang dalam akaun bank yang tidak mempunyai sebarang aktiviti (simpanan dan pengeluaran) sekurang-kurangnya bagi tempoh 6 tahun dan berjumlah lebih daripada BND100¹. Baki wang yang tidak dituntut ditadbir di bawah Perintah Perbankan (2006) dan Perintah Perbankan Islam (2008)².
3. Setiap tahun, bank-bank berlesen adalah dikehendaki untuk menghadapkan senarai baki wang yang tidak dituntut dan keseluruhan wang tersebut kepada AMBD³. Sebelum menghadapkan baki wang yang tidak dituntut kepada AMBD, bank-bank berlesen hendaklah berusaha untuk mengenalpasti dan menghubungi pemilik-pemilik wang yang berhak disamping memastikan wang tersebut dikembalikan kepada pemilik masing-masing.
4. Setelah baki wang yang tidak dituntut tersebut dihadapkan kepada AMBD, bank-bank berlesen dikehendaki untuk mengiklankan senarai baru baki wang yang tidak dituntut yang melebihi BND1,000 bagi tahun berkenaan di surat khabar tempatan, sekurang-kurangnya dua kali setahun dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris⁴. Dalam memastikan keberkesanan pengiklanan, senarai tersebut juga adalah termasuk butiran pemilik (jika diketahui). Di samping itu, AMBD juga menerbitkan senarai penuh baki wang yang tidak dituntut bagi tahun-tahun kebelakangan di laman sesawang AMBD.
5. Pemilik bolehlah menuntut wang tersebut dengan menghadapkan permohonan kepada AMBD. Dalam permohonan tersebut, pemilik dikehendaki untuk menyertakan dokumen-dokumen tertentu bagi pengesahan. Borang permohonan, senarai dokumen yang dikehendaki dan maklumat lebih lanjut mengenai proses ini boleh didapati di laman sesawang AMBD melalui pautan berikut <https://www.ambd.gov.bn/consumer/unclaimed-money>.
6. Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai *unclaimed money*, orang ramai boleh menghubungi AMBD di talian 2380975 atau menghantar e-mel kepada kami di banking.ucb@ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 6 Muharram 1442H/ 25 Ogos 2020M

Rujukan: AMBD/COMMS/3

¹ Bab 84 dan 87 di bawah Perintah Perbankan (2006) dan Perintah Perbankan Islam (2008)

² Bahagian IX (Bab 69 hingga 92) di bawah Perintah Perbankan (2006) dan Perintah Perbankan Islam (2008)

³ Bab 69 di bawah Perintah Perbankan (2006) dan Perintah Perbankan Islam (2008)

⁴ Peraturan Perbankan Islam (*Miscellaneous Provisions*) (2008) dan Peraturan Perbankan (*Miscellaneous Provisions*) (Pindaan) (2010)